

EDARAN LCA BIL.9/2022

AKTIVITI MIGRASI DATA BAKI AWAL BATCH 2 (SIRI 2) TAHUN 2022

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) di bawah Unit Amalan Perakaunan (UAP) akan menjalankan **Aktiviti Migrasi Data Baki Awal *Batch* 2 (Siri 2) Tahun 2022** pada **12 hingga 16 November 2022** dan maklumat mengenai aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

Aktiviti 1: Hujung Minggu

Tarikh	Hari	Masa
12/11/2022	Sabtu	7.30 pm - 12.00 am
13/11/2022	Ahad	12.01 am - 6.00 am

Aktiviti 2: Hari Bekerja

Tarikh	Hari	Masa
14/11/2022	Isnin	8.00 pm - 11.00 pm
15/11/2022	Selasa	8.00 pm - 11.00 pm
16/11/2022	Rabu	8.00 pm - 11.00 pm

3. Sehubungan itu, sebarang **aktiviti melibatkan transaksi aset digantung (*suspension*) buat sementara waktu** dan pihak tuan/puan perlu **memastikan tiada aktiviti melibatkan transaksi aset berlaku sepanjang tempoh dinyatakan di atas**. Ini bagi memastikan proses Data Migrasi *Batch* 2 (Siri 2) Tahun 2022 ke dalam iGFMS dapat dilaksanakan di Ibu Pejabat dengan lancar.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini tuan/puan boleh hubungi pegawai UAP PPPA melalui e-mel uap_pppa@anm.gov.my.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

JANM Pulau Pinang

7 November 2022